



**GARIS PANDUAN BINAAN STRUKTUR
SOKONGAN KEPADA BANGUNAN UTAMA YANG
DIBERI KELONGGARAN MELEPASI GARISAN
BANGUNAN BAGI KAWASAN SEBERANG PERAI
(Pindaan 2022)**

(Diluluskan oleh Majlis Penuh Bil 576 (Bil. 6/2022) pada 21Jun 2022)

GARIS PANDUAN BINAAN STRUKTUR SOKONGAN KEPADA BANGUNAN UTAMA YANG DIBERI KELONGGARAN MELEPASI GARISAN BANGUNAN BAGI KAWASAN SEBERANG PERAI

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan kelulusan kepada permohonan pelan bangunan melibatkan binaan struktur sokongan yang dibina melepasi garisan bangunan atau anjakan bangunan di kawasan Seberang Perai

2.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini hanyalah sah digunakan untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai sahaja.

3.0 KATEGORI KEGUNAAN BANGUNAN YANG TERLIBAT

3.1 Antara jenis-jenis binaan yang dibenarkan melepasi garisan bangunan adalah seperti berikut :-

- i. Pencawang (Sub Station) TNB
- ii. Pondok pengawal
- iii. Depo sampah
- iv. Tempat letak kereta terbuka berbumbung
- v. Lain-lain bangunan utiliti kepada bangunan utama yang dibenarkan oleh Majlis

3.2 Keluasan binaan yang dibenarkan bagi perkara 3.1 (i) iaitu bangunan *sub station* TNB adalah 80 meter persegi dengan ketinggian yang dibenarkan adalah tidak melebihi empat (4) meter.

3.3 Keluasan binaan yang dibenarkan bagi perkara (ii),(iii), dan (v) di atas adalah 30 meter persegi dengan ketinggian yang dibenarkan adalah tidak melebihi 4 meter.

4.0 SYARAT - SYARAT YANG PERLU DIPATUHI

- 4.1 Pemohon perlu mengemukakan Pelan Bangunan melalui Arkitek Berdaftar / Jurutera Perunding untuk pertimbangan Majlis.
- 4.2 Jurutera Perunding hendaklah mengesahkan kestabilan struktur
- 4.3 Struktur binaan tidak boleh menghalang laluan dan tempat letak kenderaan dan hendaklah bebas dari sebarang sekatan-sekatan.
- 4.4 Pembinaan juga sokongan ini tidak boleh menimbulkan kacaugangu kepada lot bersebelahan.
- 4.5 Anjakan (set-back) bangunan sokongan yang bersempadan dengan lot bersebelahan adalah dua (2) meter dan yang bersempadan dengan jalan utama adalah satu (1) meter
- 4.5 Mematuhi keperluan dan kehendak-kehendak kebombaaran.
- 4.6 Ketinggian struktur binaan tidak melebihi empat (4) meter.
- 4.7 Keluasan bangunan sokongan tidak melebihi 30 meter persegi (selain tempat letak kereta terbuka berbumbung) kecuali bagi bangunan *sub station* TNB hendaklah tidak melebihi 80 meter persegi


5.0 BATASAN PEMBINAAN

Majlis berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan struktur binaan sokongan ini berdasarkan kepada Undang-Undang / Garis Panduan sediaada.

6.0 TARIKH PELAKSANAAN

01 Julai 2022

Lampiran A1



Lampiran A2



Lampiran A3

